



**Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pengajian Komunikasi**

**APLIKASI TEORI RELEVANS (1986) DALAM PEMBELAJARAN  
BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN**

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian  
(Linguistik)

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

✓

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 31 day of Mei 2017.

Student's Declaration:

I MUHAMMAD QHIDIR BIN MAT ISA (47814) & FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PENGAJIAN KOMUNIKASI UNIMAS - (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled, **APLIKASI TEORI RELEVANS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

31/5/2017


Date submitted



Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Supervisor's Declaration:

I DR. FATIMAH HJ. SUBET (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled, **APLIKASI TEORI RELEVANS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN** (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \*partial/full fulfillment for the conferment of ~~IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (LINGUISTIK)~~ DENGAN KEPUJIAN (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by:   
(DR. FATIMAH HJ. SUBET)

Date: 31 / Mei


I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

**Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature   
(Date)

Supervisor's signature   
(Date)

Current Address:

1F SMK SERI SETIA, JALAN SETIA RAJA  
93350, KUCHING SARAWAK

Notes: \* If the Project/Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrumen was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

# **ANALISIS PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN**

**MUHAMMAD QHIDIR BIN MAT ISA**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian  
(Linguistik)**

**Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2017**

## **Pengakuan Pelajar**

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian, dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya.

Saya juga menyerahkan hak cipta ini kepada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi tujuan penerbitan jika didapati bersesuaian.

---

Tarikh Serahan

---

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

## **Pengesahan Penyelia**

Projek tahun akhir yang bertajuk **APLIKASI TEORI RELEVANS (1986) DALAM PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN** ini telah diusahakan oleh MUHAMMAD QHIDIR BIN MAT ISA (47814) sebagai mematuhi syarat pengijazahan Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik).

Di semak oleh,

---

Tarikh Serahan

---

**DR. FATIMAH HJ. SUBET**  
Penyelia  
Fakulti Pengajian Bahasa dan  
Pengajian Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak

---

**PROFESOR DR AMBIGAPATHY PANDIAN**  
Dekan  
Fakulti Pengajian Bahasa dan  
Pengajian Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

✓

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the ..... day of..... 2017.

Student's Declaration:

I MUHAMMAD QHIDIR BIN MAT ISA (47814) & FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PENGAJIAN KOMUNIKASI, UNIMAS - (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled, **APLIKASI TEORI RELEVANS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

\_\_\_\_\_  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Supervisor's Declaration:

I DR. FATIMAH HJ. SUBET (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled, **APLIKASI TEORI RELEVANS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA FIGURATIF: SATU CADANGAN** (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \*partial/full fulfillment-for-the conferment-of ~~IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA-(LINGUISTIK) DENGAN KEPUJIAN~~ (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: \_\_\_\_\_

Date: \_\_\_\_\_

(DR. FATIMAH HJ. SUBET)

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature \_\_\_\_\_

(Date)

Supervisor's signature \_\_\_\_\_

(Date)

Current Address:

1F SMK SERI SETIA, JALAN SETIA RAJA

93350, KUCHING SARAWAK

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrumen was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>vi</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1-20</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Penyataan masalah	12
1.3 Tujuan kajian	15
1.4 Objektif kajian	15
1.5 Istilah definisi operasi	16
1.6 Kepentingan kajian	18
1.7 Rumusan bab	19
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	<b>21-36</b>
2.0 Pengenalan	21
2.1 Kajian mengenai Pendekatan Pembelajaran Berasaskan TR	21
2.2 Kajian mengenai Pendekatan dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan	30
2.3 Kajian TR berlainan Fokus	35
2.4 Rumusan bab	36
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>38-46</b>
3.0 Pengenalan	38
3.1 Reka bentuk penyelidikan	38



3.2 Kaedah pemilihan informan	39
3.3 Instrumen kajian	40
3.4 Proses Pengumpulan Data	41
3.5 Prosedur Analisis dan Pembentangan Data	44
3.6 Lokasi Kajian	46
<b>BAB 4: TEORI RELEVANS</b>	<b>48-61</b>
4.1 Pengenalan	48
4.2 Latar Belakang Teori Relevans	49
4.3 Konsep Konteks, Kesan Kognitif dan Usaha Memproses	55
4.4 TR dalam pembelajaran	59
<b>BAB 5: DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>62-98</b>
5.0 Pengenalan	62
5.1 Cadangan Rancangan Pelajaran Berasaskan TR	62
5.2 Menganalisis makna implisit peribahasa-peribahasa yang digunakan dalam kajian	84
5.3 Menilai perbezaan pencapaian murid memahami makna implisit peribahasa diuji antara kumpulan kawalan dan kumpulan aplikasi	88
5.4 Menganalisis permasalahan kefahaman murid untuk memahami ungkapan implisit peribahasa diuji berpandukan Teori Relevans dan Taksonami Bloom	92
<b>BAB 6: KESIMPULAN</b>	<b>102-108</b>
6.0 Pengenalan	99
6.1 Ringkasan kajian	99
6.2 Implikasi kajian	102
6.3 Cadangan kajian	104
6.4 Kesimpulan	105
<b>BIBLIOGRAFI</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	

## PENGHARGAAN

*Bismillaahir-Rahmanir-Rahim,*

*Ahlanndulillaahi-Rabbil-Alameen,*

*Wa-saallah tu wa-salaam, ala Asyafil Anbiya wa-Mussaleen,*

*Nabiyyina, Muhammad, Sallalaah alayhi wa-salim, wa-ahlihi, wa sahabihi ajma'in*

Syukur ke hadrat Allah SWT, dengan rahmat dan izin-Nya lengkapkan suatu kajian dilakukan untuk manfaat masyarakat terutama dalam bidang pendidikan. Selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Wasiat Baginda SAW mewajibkan mencari ilmu hingga ke negeri China, menjadi pembakar semangat dalam medan jihad ilmu ini.

Kepada kedua orang tua yang dikasihi, Bondaku, **Raemah bt Gobil**. insan paling disayangi, wanita yang kuat, cekal dan penyayang terhadap anak-anaknya. Ayahnda, **Mat Isa bt Ibrahim**, bapa yang hebat, bertanggungjawab.

Kepada Penyelia Projek Tahun Akhir, **Dr. Fatimah Haji Subet**, terima kasih atas segala bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang bergelar anak murid. Nasihat dan tergunan akan disemat dalam minda pada hari ini dan hari-hari mendatang.

Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, dan pengurusan Sekolah Kebangsaan Tabuan, khususnya Guru Besar, **Cikgu Aluyah bt Haji Salleh**, Penolong Kanan HEM, **Cikgu Glenda Boniface** terima kasih atas peluang dan ruang diberikan untuk menyumbang sesuatu kepada perkembangan bidang pendidikan di negara kita.

## ABSTRAK

Dasar kurikulum baharu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) memberi penekanan terhadap kemahiran kognitif. Oleh itu, tujuan utama kajian ialah mencadangkan pendekatan pembelajaran baharu berdasarkan konseptual kognitif Teori Relevans (1986). Komponen objektif kajian ialah merangka cadangan rancangan pembelajaran berasaskan Teori Relevans (1986), menganalisis makna implisit peribahasa diuji dalam kajian, menilai perbezaan pencapaian ujian-pasca kumpulan kawalan dan kumpulan aplikasi dan meneliti permasalahan pelajar memahami makna implisit peribahasa berpandukan Teori Relevans yang digandingkan dengan aras berfikir Taksonami Bloom (1956). Metodologi kajian mengaplikasikan kaedah kualitatif bagi mengadaptasi kerangka rancangan pembelajaran, rujukan peribahasa dalam Buku Teks Sekolah Tahun 5 dan rujukan terhadap hasil ujian-pasca ke atas responden. Kaedah kuantitatif diterapkan pada ujian-pasca berbentuk soal selidik terbuka. Hasil kajian mendapati, konsep Komunikasi Inferensi-Otensif, Konteks, Kesan Kognitif dan Usaha Memproses merupakan elemen-elemen yang boleh diterapkan dalam pendekatan pembelajaran Teori Relevans (1986). Kedua, makna implisit data peribahasa dicungkil sebagai perbuatan “memberikan nasihat kepada orang yang tidak mahu mendengar dan menghargai nasihat diberikan”. Ketiga, berdasarkan standard kajian, secara keseluruhan, 15 orang responden daripada kumpulan aplikasi berjaya menjawab ujian-pasca peribahasa berbanding 9 orang responden daripada kumpulan kawalan. Keempat, responden berdepan masalah memahami ungkapan figuratif pada peringkat mendekod makna literal serta peringkat membina dan meneliti set andaian bagi mencari Andaian Bermenifestasi.

## **ABSTRACTS**

*The new curriculum policy of Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) had emphasized on cognitive skills. The main purpose of the study is to propose a new approach of learning based on cognitive conceptual in Relevance Theory (1986). The objectives of the study are to formulate approaches of learning proposal based on RT (1986), to analyze the implicit meanings of proverbs used in this study, to evaluate the differences in post-test results of control group and group applications and to review the problems faced by students in understanding the meaning of proverbs based on standard that synchronizes RT (1986) and Bloom Taxonomy (1956). Qualitative methods are applied to propose a new approach of learning, using references of proverbs in Standard Five Text Book and the result of post-test on the respondent. Quantitative test method is applied in post-test of open questionnaire. The analyses show that the concept of Inferential-Otentive Communication, Context, Cognitive Processing and Processing Effort are the elements that can be applied in the approach to learning based on RT (1986). Secondly, the meaning of the implicit proverb data studied is an act of "giving advice to people whom did not want to hear and appreciate the advice given". Thirdly, based on the standard of marking scheme applied in, overall calculation shown that, 15 respondents of applied group successfully answered test-post proverb compared to 9 respondents from controlled group. Lastly, the problem faced by the respondents to understand the figurative expression were at the stage of decoding literal meaning and at the stage of constructing and examine the assumption set for the Manifested Assumption*

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Rancangan Pembelajaran Berdasarkan Pendekatan Teori Relevans (1986)	23
1.2	Hubungan Prosedur Pemahaman Teori Relevans Dengan Aras Kognitif Atau Kemahiran Taksonami Bloom (1956)	30
1.3	Konsep Pelaksanaan Objektif Ketiga	44
1.4	Cadangan Rancangan Pelajaran Harian berdasarkan Pendekatan Teori Relevans (1986) Minggu Pertama	64
1.5	Cadangan Rancangan Pelajaran Harian berdasarkan Pendekatan Teori Relevans (1986) Minggu Kedua	72
1.6	Cadangan Rancangan Pelajaran Harian berdasarkan Pendekatan Teori Relevans (1986) Minggu Ketiga	81
1.7	Kupasan Makna Literal setiap Leksikal Peribahasa “Bagai Mencurah Air ke Daun Keladi” berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat	84
1.8	Analisis Kod, Inferens, Andiaan dan Usaha Memproses bagi Kod Peribahasa “Daun Keladi”	86
1.9	Analisis Kod, Inferens, Andiaan dan Usaha Memproses bagi Kod Peribahasa “Air”	87
1.10	Keputusan Ujian-Pasca Dijalankan Ke Atas Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Aplikasi	89

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1a	Hubungan Prosedur pemahaman Teori Relevans (1986) dengan aras kognitif Taksonami Bloom (1956)	28
1.1b	Hubungan Prosedur pemahaman Teori Relevans (1986) dengan aras kognitif Taksonami Bloom (1956)	94
1.2	Gagasan Prinsip Komunikatif Relevans dan Prinsip Relevan Kognitif bersama Usaha Memproses Ujaran	54
1.3	Hubungan Prosedur Teori Relevans (1986) dengan aras kognitif dan kemahiran berfikir Taksonami Bloom (1956) bagi peribahasa “belakang parang kalau diasah tajam jua”	95
1.4	Hubungan Prosedur Teori Relevans (1986) dengan aras kognitif dan kemahiran berfikir Taksonami Bloom (1956) bagi peribahasa “ <i>Tarik rambut dalam tepung, tepung jangan berterabur, rambut jangan putus</i> ”	98

## SENARAI SINGKATAN

TR	-	Teori Relevans (1987)
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PBS	-	Penilaian Berasaskan Sekolah
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
HOTS	-	<i>High Oder Thinking Skills</i>
PISA	-	<i>Programme for International Student Assessment</i>
Pdp	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SK	-	Sekolah Kebangsaan
PBP	-	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar
m/m	-	Murid-murid
KOMSAS	-	Komponen Sastera

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat utama dan objektif, definisi bagi istilah-istilah penting dalam tajuk kajian serta kepentingan kajian. Latar belakang kajian membincangkan tentang perkembangan semasa dalam bidang pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan dasar-dasar pendidikan semasa dan signifikan komponen kognitif dalam pembelajaran. Bahagian kelompongan kajian pula memfokuskan kepada empat kategori kelompongan kajian yang dikenal pasti daripada kajian-kajian lepas. Dalam bab ini turut pengkaji turut menyatakan matlamat utama kajian dan objektif-objektif yang ingin dicapai dalam kajian. Seterusnya, pengkaji memberikan definisi terhadap beberapa konsep-konsep yang penting dalam kajian berpandukan kepada tajuk kajian. Pengkaji turut menjustifikasi kepentingan kajian ini dilakukan kepada bidang keilmuan dan masyarakat secara amnya.

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Berdasarkan “UPSR 2016: 4,896 calon peroleh semua A”, (2016), laporan UPSR 2016 menunjukkan seramai 4,896 orang calon mendapati keputusan cemerlang dengan semua mata pelajaran dan mendapat Gred A. Angka berkenaan mewakili sebanyak 1.11% daripada keseluruhan 452,751 orang calon yang mengambil ujian UPSR tahun ini. Selain itu, seramai 8,345 orang calon atau 1.84% memperoleh keputusan maksimum 1 B dan seramai 35,752 orang calon atau 8.11% mendapat keputusan minimum 2 B. Seterusnya, 91,366 orang calon dengan peratusan sebanyak 20.73% mendapat keputusan minimum 1 C. Bagi keputusan minimum 1 D dan minimum



1 E pula, masing-masing sebanyak mencatatkan bilangan dan peratusan iaitu 152,825 (34.67%) dan 137.262 (31.14%). Bagi kategori dengan gred E bagi semua mata pelajaran pula, sebanyak 9,519 orang calon mendapat keputusan berkenaan. Gred Purata Nasional bagi didapati berada pada kedudukan 2.96. Daripada segi pecahan negeri bagi bilangan murid cemerlang gred A semua mata pelajaran, didapati Selangor berada dikedudukan tertinggi dengan jumlah murid seramai 2015, diikuti oleh Johor dengan 671 orang murid dan seterusnya Pulau Pinang, seramai 399 orang murid. Negeri Perak pula mencatatkan jumlah murid mendapat gred bagi keseluruhan subjek tertinggi selepas Pulau Pinang iaitu seramai, 363 orang murid Negeri yang mencatatkan keputusan gred A semua mata pelajaran yang terendah ialah negeri Melaka dengan 159 orang calon, diikuti Sabah dengan 187 orang murid dan kemudiannya Negeri Sembilan dengan jumlah 247 orang murid. Berbanding keputusan UPSR tahun-tahun sebelumnya, jelas terdapat penurunan yang ketara terhadap bilangan murid yang mendapat keputusan cemerlang gred A bagi semua mata pelajaran (New UPSR format sees big drop in straight A scorers, 2016).

Perbandingan antara keputusan UPSR tahun 2016 dan tahun sebelumnya mendapati peratus bilangan calon mendapat A semua mata pelajaran menurun mendadak sebanyak 8.89% dengan jumlah calon mendapat A semua mata pelajaran pada tahun 2016 ialah 4896 (1.11%) daripada 440782 orang calon. Penurunan sebanyak 8.89% merupakan perubahan yang ketara dengan tahun sebelumnya. Perbandingan dengan UPSR 2015, di mana 38344 (17.7%) orang calon mendapat A dalam semua mata pelajaran daripada 337384 orang calon. Perbezaan ketara antara kedua-dua tahun ini seringkali menjadi bahan kritikan terhadap pencapaian UPSR semasa. Walau bagaimanapun, pihak kementerian berpendapat bahawa tidak sesuai untuk membandingkan keputusan tahun semasa dengan tahun sebelumnya (Mahadzir dalam Yop, & Suhaimi, 2016). Ini kerana kedua-dua tahun berkenaan menggunakan format penilain yang berlainan. Penilaian UPSR

2016 dirangka berpandukan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS), manakala, penilaian pada tahun-tahun sebelumnya berpandukan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) sahaja. Kaedah dan format peperiksaan yang sama sekali berbeza ini, didapati merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian murid pada kedua-dua tahun berkenaan.

Menurut Yusof, (dalam UPSR 2016: 4,896 calon peroleh semua A, 2016), keputusan UPSR 2016 menggunakan format baharu selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (2011). Beliau menjelaskan; “Calon peperiksaan UPSR tahun ini ialah kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapinya pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) disamping membudayakan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)” (para. 14-16). Secara peribadi, beliau mendapati pencapaian murid dengan format penilainya baharu ini berada pada tahap boleh dibanggakan kerana murid mampu menjawab soalan yang memerlukan keupayaan berfikir dengan mendalam. Tambah Khalid (dalam Yop & Suhaimi, 2016), penilaian UPSR pada tahun ini ialah penilaian yang bersifat holistik. Murid bukan sahaja dilatih untuk membaca, menulis dan mengeja tetapi untuk menaakul, selaras dengan komponen fokus yang menjadi teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (2011). Tegas beliau lagi; “Format instrumen yang berbeza pada tahun ini banyak melatih murid kemahiran berfikir terutama terhadap soalan berbentuk struktur” (para. 13-14). Hal yang sama turut dinyatakan oleh Salleh (dalam Rajendram, 2016); “*The HOTS questions have been designed to test if a pupil has grasped the concept*” (para. 10).

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Bajunid (dalam Ibu bapa perlu terima perubahan format peperiksaan, 2016) yang menekankan kepentingan untuk mengekalkan kaedah penilaian terbaharu ini. Beliau menyatakan, format penilaian UPSR 2016 merupakan penilaian

menyeluruh ke atas seseorang individu murid justeru, ia merupakan satu penanda aras baharu dalam kurikulum pendidikan negara di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, pihak ibu bapa harus memahami bahawa kemahiran berfikir merupakan sebahagian daripada kemahiran yang perlu dilengkapi pada diri murid-murid kini, tidak lagi semata-mata memfokuskan kepada komponen menulis, membaca dan mengira dengan format peperiksaan adalah untuk menghafal. Saleeh (dalam Rajaendram, 2016) berkongsi nada yang sama. Beliau menjustifikasikan penggunaan format UPSR baharu adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Tegas beliau lagi, kurikulum sekolah rendah yang lama telah digunakan sejak berdekad lamanya. Walaupun hanya terdapat sebilangan kecil berjaya mendapat keputusan cemerlang bagi semua mata pelajaran, angka berkenaan ternyata boleh dibanggakan. Kalangan yang mendapat keputusan cemerlang bagi semua mata pelajaran merupakan murid yang dapat menguasai kemahiran berfikir seperti yang dikehendaki dalam komponen kurikulum baharu. Penyataan ini dijelaskan beliau; *“They had strong thinking skills (in science), were able to elaborate and articulate well (in the language examinations), and could demonstrate clear steps when tackling mathematics questions”* (para. 16-18). Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa pembentukan dan penilaian murid tidak seharusnya menumpukan kepada pencapaian angka semata-mata tetapi harus juga menilai keupayaan murid berdasarkan penilaian murid di sekolah, kegiatan jasmani, penglibatan dalam aspek kokurikulum termasuk juga keupayaan psikometrik. Tuntas kepada pembaharuan penilaian ini adalah untuk melahirkan kalangan murid yang mempunyai nilai kepimpinan di samping keupayaan untuk berfikir.

Kendatipun begitu, yang nyata, ramai ibu bapa kecewa dengan keputusan anak-anak mereka. Ada yang menyatakan, aras penilaian baharu ini terlalu sukar untuk dikuasai oleh murid di peringkat sekolah rendah. Bahkan, dengan format penilaian yang baharu, pihak guru berdepan

dengan cabaran yang lebih besar untuk melatih murid berfikir dan dalam masa yang sama, perlu melengkapkan murid dengan kemahiran asas iaitu membaca dan menulis di sesetengah kawasan terutamanya di kawasan pedalaman (Failing the weak students, 2016). Walau bagaimanapun, terdapat juga reaksi balas positif diterima berkaitan dengan format penilaian baharu ini. Menurut, (There's much to learn from a hiccup in life, 2016), kegagalan yang dihadapi oleh sebahagian besar calon UPSR 2016 tidak perlu diertikan dengan kegagalan dalam hidup mereka. Murid semasa perlu dilengkapi dengan kemahiran berfikir supaya mereka dapat dibentuk menjadi pekerja yang kompeten. Beliau melihat kekurangan upaya berfikir merupakan kekurangan terbesar yang ada pada generasi muda kini. Beliau memetik pengalamannya yang mendapati, generasi muda yang dibesarkan dengan kurikulum pendidikan terdahulu tidak mempunyai usaha dan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah. Seringkali mereka mengelak dan bergantung kepada pihak lain untuk membantu mereka menyelesaikan masalah. Beliau berharap agar dengan kurikulum pendidikan baharu yang digagaskan, ia akan dapat melatih murid untuk tahu menggunakan kemahiran kognitif. Suara yang sama turut dikongsi oleh New curriculum will be more exam-centric, (2016). Menurut beliau, penilaian yang digunakan dalam UPSR 2016 merupakan kaedah penilaian yang ideal dan selaras dengan aras penilaian antarabangsa iaitu *Programme for International Student Assessment* (PISA). Penilaian yang holistik dan bersepadu ini diharapkan beliau dapat mengubah kaedah penilaian “tradisional” yang kini masih terdapat dalam peperiksaan PMR dan SPM. Tetapi, beliau turut melahirkan kekusaran terhadap bentuk penilaian yang digunakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang mana ia kelak akan menjadikan sistem pendidikan negara tertumpu hanya kepada peperiksaan. Hujah beliau, berbanding format penilaian sebelumnya, format dan kurikulum baharu yang digunakan ini menyebabkan murid perlu menduduki empat peperiksaan dalam masa satu tahun. Kekusaran beliau terhadap sistem Penilaian

Berasaskan Sekolah (PBS) turut diluahkan kerana pada pendapatnya, sistem berkenaan tidak selaras dan tidak adil untuk sebahagian murid yang dikenakan dengan aras penilaian yang tinggi.

Selain itu, sebahagian daripada mereka turut mengesa “bedah siasat” perlu dilakukan segera bagi mengenal pasti punca penurunan ketara bilangan murid cemerlang dalam ujian UPSR 2016 (Liong, 2016). Pelbagai persoalan perlu diberikan perhatian terutama terhadap penerapan pembelajaran yang diterapkan para guru semenjak daripada tahun satu hingga ke tahun enam. Dalam pada masa yang sama, pihak sekolah juga perlu diingatkan untuk bersedia untuk melengkapi murid dengan kemahiran-kemahiran yang difokuskan dalam kurikulum baharu. Mereka disarankan melakukan perubahan dalam pendekatan pembelajaran supaya murid dapat menguasai kemahiran berfikir yang diperlukan dalam penilaian semasa.

Pendekatan pembelajaran baharu sebagai “alternatif penyelesaian” kepada keperluan ini. Rasionalnya, menurut Yusof (dalam New UPSR format sees big drop in straight A scorers, 2016), dengan penilaian yang baharu, dapat dikesan kelemahan murid dalam penulisan dan tatabahasa bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Jelas, melalui penilaian yang lebih mendalam, didapati masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan keupayaan menulisan dan penguasaan tatabahasa murid sebenarnya. Oleh itu, murid perlu dilatih dengan kemahiran taakulan yang tinggi bagi memastikan mereka berupaya menguasai aspek penulisan yang berkeesan.

Di peringkat antarabangsa, perihal ini telah dibahaskan oleh ramai sarjana. Kemahiran taakul ternyata mempunyai perkaitan erat dengan subjek kebahasaan dan kesusasteraan. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan signifikan komponen kesuasasteraan dalam pembelajaran diperkatakan semenjak awal abad ke-20 lagi. Artikel MacClintock (1902a), “Literature in the Elementary School. I”, menyarankan agar dimasukkan elemen kesuasasteraan dalam kurikulum sekolah rendah.

Tujuan ia adalah untuk memupuk daya imaginasi pada usia kanak-kanak. Ketajaman imaginasi yang dimiliki membolehkan kanak-kanakberfikir secara abstrak selain meningkatkan tahap intelektual mereka dengan meransang keupayaan kognitif minda menerusi latihan-latihan menggunakan bahasa figuratif.

Pada tahun berikutnya, beliau menulis artikel kedua, iaitu “Literature in the Elementary School. II” (MacClintock, 1902b). Beliau mengulas mengenai kesesuaian bahan-bahan sastera untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran sekolah rendah (*elementary school*). Menurut beliau, karya epik dan lirik merupakan bahan sastera yang paling sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran bagi sekolah rendah. Beliau mengkategorikan karya epik kepada cerita-cerita rakyat, manakala, lagu kanak-kanak dan peribahasa dikategorikan sebagai bentuk sastera lirik. Berbanding cerita rakyat, lagu kanak-kanakdan peribahasa, beliau berpendapat, bahan-bahan berbentuk peribahasa merupakan bahan terbaik dalam pembelajaran sastera, kerana ia berupaya melatih murid-murid untuk mencari makna tersirat bagi bahasa-bahasa figuratif yang dimuridi.

Colby (1903) turut memberikan pandangan beliau tentang kepentingan pengajaran sastera di sekolah rendah dalam artikel beliau “Literature in the Elementary School. I”. Menurut beliau, pembelajaran kesusasteraan penting bagi memperkembangkan kreativiti, keupayaan menaakul, selain memupuk nilai kemanusiaan dalam diri kanak-kanak. Ulas beliau lagi, kesusasteraan merupakan paparan kepada fenomena sosial manusia yang universal, iaitu daripada satu generasi kepada generasi seterusnya, manusia memperturunkan pemikiran dan nilai-nilai budaya menerusi cerita rakyat, epik, syair dan drama. Tegas beliau, nilai-nilai sastera perlu dimasukkan dalam kurikulum sekolah rendah agar murid-murid dapat memperkembangkan keupayaan kognitif mereka untuk memikir fenomena sosial selain memahami makna tersirat yang cuba disampaikan menerusi karya-karya sastera yang diajar.

Perbahasan tokoh–tokoh berkenaan memperlihatkan betapa negara maju seperti Amerika Syarikat memberikan perhatian terhadap sumbangan kesusasteraan dalam pendidikan sekolah rendah semenjak awal abad ke-20 lagi. Hingga kini, kemahiran kognitif terus menjadi agenda utama dalam dasar–dasar pendidikan di negara-negara maju seperti *National Curriculum in England: Primary Curriculum 2013* di England. Bagi negara Finland, dasar kurikulum utama iaitu *National Core Curricula (2014)* memasukkan komponen kognitif sebagai fokus utama pendidikan mereka.

Di Malaysia, peranan sastera dalam pendidikan kini mula diberikan perhatian oleh sarjana–sarjana tempatan. Sujud & Sedik. (2014) menyatakan, kanak-kanak yang terdidik dengan bahan–bahan sastera akan peka dengan persekitaran mereka yang memerlukan pertimbangan bijak untuk menguruskan perasaan mereka dan orang lain. Keupayaan berkenaan hanya boleh dicapai dengan daya kognitif yang tinggi, dan sastera dilihat sebagai salah satu faktor yang mampu menyumbang peningkatan daya kognitif tersebut. Selain itu, ransangan daripada latihan bahan kesusasteraan dalam pembelajaran dapat mempertajamkan kemahiran penaakulan untuk memahami kepelbagaian makna yang wujud dalam pelbagai bentuk. Secara tidak langsung, para murid akan mampu memahami fenomena kebahasaan yang menggunakan makna tersirat sebagai strategi kebahasaan dan kesopanan selain fenomena kebahasaan sosial yang perlu difahami secara mendalam.

Selari dengan sarana–sarana berkenaan, kepentingan memupuk daya penaakulan kini menjadi prioriti dalam dasar kurikulum baharu yang digubal iaitu, Kurikulum Sekolah Standard Sekolah Rendah (KSSR). Umumnya, dasar ini menggariskan aspirasi untuk membentuk murid yang cemerlang secara holistik dengan indikator pencapaiannya ialah, modal insan yang seimbang, harmonis, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai

persediaan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Berbeza dengan modul terdahulu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), KSSR mencakupi fokus yang lebih luas dan relevan dengan keperluan modal insan semasa dan akan datang. Modifikasi baharu yang diubah suai daripada dasar yang lama ialah penambahan fokus baharu, iaitu kemahiran menaakul. Kesan daripada modifikasi berkenaan kini memperlihatkan keperluan para guru untuk memperbaharui pendekatan yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dapat membentuk murid yang mahir daripada aspek penaakulan. Oleh itu, pendekatan pembelajaran akan datang hendaklah mengupayakan para murid untuk menguasai kemahiran berfikir.

Tambah Othman & Jamian, (2013) KSSR merupakan dasar pembelajaran yang ideal kerana ia juga melatih murid menguasai kemahiran menaakul melalui pembelajaran seni bahasa. Seni bahasa merujuk keupayaan murid untuk memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur. Rasional pembelajaran seni bahasa menurut Othman & Jamian, (2013) ialah, ia berupaya membantu melahirkan kalangan murid yang berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, menguasai kemahiran lisan, menganalisis maklumat, menentukan nilai dan idea, yang juga merupakan matlamat dalam KSSR.

Peranan sastera memiliki potensi yang signifikan untuk membantu melahirkan murid–murid yang mahir dalam kemahiran berfikir aras tinggi iaitu menaakul. Meskipun tidak seketara penekanan yang diberikan terhadap kesusasteraan dalam kurikulum sekolah rendah seperti di Amerika Syarikat, elemen–elemen kesusasteraan dalam konteks tempatan masih boleh diselitkan dalam kurikulum menerusi pembelajaran komponen sastera misalnya peribahasa. Peribahasa merupakan bahan pembelajaran berunsurkan kesusasteraan yang ideal. Pandangan daripada ramai